

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 12 OKTOBER 2014 (AHAD)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Tragedi banjir	Berita Harian
2	Langit berlubang	Berita Harian
3	Buah-buahan, barang elektrik import berisiko	Berita Harian

# TRAGEDI BANJIR

» Ribut petir, hujan lebat melanda negara kesan peralihan monsun

Oleh Rasyiqah Ilmi Abd Rahim  
rasyiqah@bh.com.my

Malaysia dianggap sebagai antara negara bertuah kerana jarang dilanda bencana alam berikutan kedudukannya di luar Lingkaran Api Pasifik dan faktor geografi yang melindunginya daripada pelbagai ancaman. Satu-satunya bencana alam yang melanda negara ialah banjir.

Tragedi banjir bermula September lalu yang menyaksikan beberapa kawasan di bandar raya Kuala Lumpur, Selangor dan Sabah lumpuh dilanda banjir kilat akibat hujan lebat antara satu hingga tiga jam memberi impak mendalam kepada aktiviti seharian masyarakat tempatan.

Hakikatnya, walaupun beberapa kawasan dilanda banjir kilat, negara ini masih selamat kerana ketika ini perubahan yang berlaku itu disebabkan peralihan monsun dan dikatakan tiada kaitan dengan fenomena El Nino.

## Dipengaruhi banyak faktor

Di Malaysia, secara umumnya jumlah hujan melebihi purata dijangka berlaku di kebanyakan tempat di seluruh negara, namun taburan hujan ini bergantung kepada pelbagai faktor lain selain faktor El Nino.

El Nino ialah fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik.

Fenomena itu menyebabkan perubahan iklim di seluruh dunia, yang mengakibatkan hanya sesetengah kawasan mengalami hujan lebat manakala di kawasan lain terjadi kemarau panjang.

Meskipun negara tidak terkecuali daripada ancaman itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) menjangkakan Malaysia hanya akan mengalami fenomena El Nino lemah, dalam erti kata lain, ia tidak mengakibatkan peningkatan suhu dan taburan hujan sehingga penghujung tahun ini.

Mengulas mengenai iklim negara ketika ini, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail, berkata fenomena ribut petir dan hujan lebat yang berlaku sekarang bukan kejadian luar biasa dan tiada kaitan dengan jangkakan fenomena El Nino, sebaliknya proses peralihan monsun membahitkan Monsun Barat Daya dan Timur Laut.

## Paras neutral

Katanya, sehingga pertengahan September lalu, kesan El Nino masih pada paras neutral berdasarkan laporan Indeks Oceanic Nino (ONI) bagi bulan Julai, yang merekodkan purata suhu permukaan laut bagi Jun, Julai dan Ogos ialah 0.0 darjah Celsius.



"Negara sedang melalui tempoh peralihan Monsun Barat Daya kepada Monsun Timur Laut dengan ribut petir dan hujan lebat bermula hujung bulan lalu sehingga pertengahan November, yang membawa hujan lebat dan banjir kilat di beberapa kawasan ketika ini.

"Ribut petir bukan kejadian luar biasa kerana berlaku setiap tahun di negara ini, termasuk di beberapa kawasan di pantai barat dan pedalaman pantai timur. Kadang kala, ribut petir turut dipengaruhi faktor tempatan seperti kawasan atmosfera yang lembap dan tidak stabil.

"Awan kumulus terbentuk apabila udara panas lembap naik dari permukaan bumi ke altitud yang lebih tinggi dan berlaku proses pemeluwapan," katanya ketika dihubungi BH, baru-baru ini.

Katanya lagi, selepas tempoh ini, negara dijangka mengalami Monsun Timur Laut (musim tengkujuh) pada pertengahan November dan akan berakhir pada Mac tahun hadapan.

Mengenai perubahan iklim negara yang berlaku sepanjang tahun ini, Che Gayah berkata, dalam tempoh beberapa tahun akan datang, kejadian cuaca ekstrem akibat keragaman iklim semula jadi dijangka lebih dominan berbanding dengan impak daripada pemanasan global akibat aktiviti manusia.

## Pantau peralihan cuaca

Sebagai langkah awal, JMM sentiasa memantau perkembangan peralihan cuaca tidak menentu sejak beberapa bulan ini terutama di sebelah petang dengan memberi maklum balas segera kepada pihak berkaitan sebagai langkah awal berjaga-jaga terutama kepada Unit Bencana Negara.

"Jika keadaan diramalkan serius, kita akan hebahkan segera kepada pihak berkenaan dan orang ramai, tetapi ketika ini, kita hanya menghebahkan ramalan cuaca masih dalam keadaan biasa atau normal. Tiada apa yang perlu dibimbangkan.

"Ciri perubahan cuaca yang ditunjukkan sekarang berbeza dan sukar diramal. Masih banyak ruang kajian untuk saintis mengkaji hal ini kerana ia terlalu kompleks," katanya.

## SISTEM CUACA MONSUN



## MONSUN BARAT DAYA

- ⊙ Kering di Semenanjung Malaysia kecuali di Sabah yang lebih lembap
- ⊙ Kebanyakan negeri mengalami hujan bulanan minimum, biasanya antara 100 milimeter (mm) dan 150 mm.
- ⊙ Melambangkan atmosfera yang stabil di kawasan Khatulistiwa.

## MONSUN TIMUR LAUT

- ⊙ Musim hujan utama negara
- ⊙ Terbentuk bersama dengan luran udara sejuk dan Siberia
- ⊙ Menghasilkan hujan lebat yang sering menyebabkan banjir besar.

## PERALIHAN MONSUN

- ⊙ Di waktu pagi, langit biasanya cerah dan ini membantu pembentukan ribut petir di sebelah petang.
- ⊙ Di negeri pantai barat Semenanjung, ribut petir menyumbang jumlah hujan bulanan yang tinggi pada kedua-dua musim perantaraan monsun.

Dasar laut sejuk



**KERATAN AKHBAR  
BERITAH HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 19  
TARIKH : 12 OKTOBER 2014 (AHAD)**

**TABURAN HUJAN DI MALAYSIA**

**990 BILION**  
METER PADU SETAHUN

**556 BILION**  
METER PADU MENGALIR  
DI RATUSAN SUNGAI

**360 BILION**  
METER PADU MENYEJAT

**25 BILION**  
METER PADU DITAKUNG  
DALAM EMPANGAN DAN  
TAKUNGAN BUATAN



LAUTAN PASIFIK

Dasar laut panas



**KEJADIAN BANJIR  
AKIBAT PERALIHAN  
MONSUN**

**1 OKTOBER 2014 DI  
KUALA LUMPUR**

Hujan lebat beberapa jam menyebabkan beberapa kawasan di sekitar bandar raya mengalami banjir kilat yang mengakibatkan kesesakan teruk dan puluhan kenderaan terperangkap serta ditenggelami air. Antara laluan yang terjejas adalah Jalan Kia Peng, Kampung Baru, Jalan Ampang, Bukit Bintang dan Jalan Sultan Ismail.

**7 OKTOBER 2014 DI  
PENAMPANG, SABAH**

Hampir keseluruhan daerah itu lumpuh akibat banjir sehingga mengakibatkan kira-kira 100,000 penduduk terjejas. Ia dianggap banjir terburuk melanda kawasan itu sejak 15 tahun lalu.

**7 OKTOBER 2014 DI SARIK  
BERNAM, SELANGOR**

Hujan berterusan selama kira-kira tiga jam mengakibatkan beberapa kawasan dinaiki air sedalam 0.2 meter hingga 0.3 meter.

**30 SEPTEMBER 2014 DI  
KAJANG, SELANGOR**

Banjir kilat akibat hujan lebat menyebabkan beberapa laluan di sekitar bandar berkenaan ditenggelami air sehingga satu meter.

**30 SEPTEMBER 2014 DI  
SHAH ALAM, SELANGOR**

Ribut yang melanda sekitar kawasan itu terutama Bukit Jelutong menyebabkan 22 kenderaan rosak ditimpa pokok. Sekolah Kebangsaan Bukit Jelutong mengalami kerugian kira-kira RM100,000 selepas bumbung kantin, bilik darjah, komputer dan kelengkapan perabot rosak.

**21 SEPTEMBER 2014  
DI KLUANG, JOHOR**

Hujan lebat hampir sejam menyebabkan beberapa jalan utama di bandar itu dan kawasan perumahan ditenggelami air sehingga 0.5 meter. Banjir kilat ini dipercayai akibat limpahan air dari hulu Sungai Menglob, Sungai Lambak, Sungai Sembong dan Sungai Melantai.

**FENOMENA EL NINO**

- Fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh enam bulan berurut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik.
- Terbentuk apabila arus laut panas menggantikan arus laut sejuk di luar pantai Peru, Amerika Selatan sehingga menyebabkan peningkatan haba dan kesan dirasakan di banyak negara, termasuk Asia Tenggara.
- Menyebabkan kemarau ketika Monsun Barat Daya (Jun-Ogos) dan Monsun Timur Laut (November-Februari) di Malaysia Timur, manakala Semenanjung pada musim Monsun Barat Daya saja.

**KESAN EL NINO**

- Krisis air di Malaysia pada tahun 1997
- Hujan lebat luar biasa di Peru, Amerika Selatan (1997 - 1998)
- Hujan lebat luar biasa di Kenya dan Somalia (1997 - 1998)
- Kebakaran hutan di Indonesia (1998)
- ais mencair di Laut Bellingshausen dan Laut Ross di perairan Antartika (1999)
- Hujan lebat luar biasa di Malaysia, Indonesia dan Filipina (2008)
- Kemarau sehingga menyebabkan krisis air di Malaysia (2014)



KERATAN AKHBAR  
BERITAH HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 23  
TARIKH : 12 OKTOBER 2014 (AHAD)

» Penjelasan saintifik rangkaian misteri alam

Oleh Nasron Sira Rahim  
nasronsirarahim@gmail.com

**P**enduduk sekitar Jalan Klang Lama di Kuala Lumpur gempar melihat kewujudan pelbagai cahaya misteri di langit malam sekitar Julai 2012.

Cahaya itu muncul lebih dua jam bermula kira-kira jam 11 malam dan saiznya yang besar menyebabkan fenomena aneh itu dapat dilihat sehingga ke Bandar Sunway yang terletak beberapa kilometer dari lokasi itu.

Kejadian luar biasa itu menyebabkan penduduk meluru ke luar untuk menyaksikan sendiri fenomena membingungkan itu.

Tatkala melihat keanehan itu, minda penduduk diresapi kekusaran lantaran gagal memikirkan apakah cahaya itu sebenarnya dan petanda yang bakal berlaku menerusi kesan fenomena berkenaan.

Cahaya itu diyakini bukannya objek terbang tidak dikenali (UFO) atau pesawat terbang lantaran tidak bergerak, sebaliknya terpampang statik di langit selain berkelip-kelip seperti cahaya bintang.

Segelintir penduduk merakamkan foto cahaya misteri sebagai bukti kewujudannya dan tidak lama selepas itu, imej garisan cahaya merah, ungu, biru dan putih mula disiarkan akhbar.

#### Fenomena seluruh dunia

Siasatan dilakukan pihak berkuasa dan ketika itulah disedari fenomena misteri di langit tidak saja berlaku di Malaysia tetapi dilaporkan di merata tempat seluruh dunia.

Antaranya pada Oktober 2009, penduduk Moscow, Russia, gempar melihat langit bandar mereka 'berlubang'. Fenomena langit berlubang itu pernah dikesan di Alabama pada tahun 2003 dan Colorado pada tahun 2007.

Gambar langit berlubang disebarkan media sosial sehingga ramai pihak gempar lantaran gagal memahami keanehan fenomena alam itu.

Maka pelbagai spekulasi dan teori konspirasi dikemukakan antaranya ia petanda awal serangan

mahluk asing ke bumi selain tanggapan dunia akan kiamat.

Ribuan tahun dulu, masyarakat silam turut gempar melihat kewujudan api misteri di langit. Mereka menganggap api langit adalah petanda buruk dan serangan makhluk kayangan terhadap hidupan bumi.

Meniti batasan masa yang lama, kewujudan fenomena aneh di langit akhirnya dikaji penyelidik. Lama mengkaji, akhirnya penyelidik menyimpulkan kejadian pelik di langit sebenarnya berpunca daripada tindak balas alam yang luar biasa dan jarang berlaku.

#### Awan bersuhu

Antaranya, kejadian 'langit ber-

lubang' ditakrifkan sebagai 'Lubang Fallstreak'. Lubang itu terbentuk apabila suhu dalam suatu kawasan awan berada di bawah titik beku manakala kawasan lain memiliki suhu biasa.

Kawasan awan bersuhu di bawah titik beku menyebabkan wap air membentuk kristal ais dan jatuh ke bawah. Hasilnya akan membentuk keadaan seakan langit berawan yang berlubang.

Bagi kes api di langit yang dilihat masyarakat zaman silam, saintis akhirnya mengenal pasti ia sebagai komet dari luar bumi. Lantaran penduduk purba masih tidak mengkaji perihal astronomi, maka pelbagai tanggapan tahyul membatikan alam mistik dikemukakan

# Langit berlubang



membentuk ais tetapi ais itu gagal cair sebelum mencecah bumi.

#### Siasatan ANGKASA

Berbalik kepada cahaya aneh di Jalan Klang Lama pada 2012, selepas fenomena itu disiarkan akhbar, maka penelitian segera dijalankan pihak berkuasa.

Antaranya Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) mendapati cahaya misteri itu berkemungkinan berpunca daripada 'awan sirus' iaitu lapisan awan nipis yang berperanan memantulkan sebarang cahaya yang menyuluh ke atas dari permukaan bumi.

Awan sirus tidak boleh dilihat mata kasar kerana terlalu nipis dan berpotensi memantulkan kembali cahaya dari permukaan bumi seperti bangunan, lampu jalan dan lampu limpah.

Selain itu, kewujudan cahaya misteri dengan pelbagai warna di langit juga boleh berlaku akibat fenomena aurora yang berpunca daripada perlanggaran medan magnetik bumi dengan partikel dipancarkan matahari. Aurora banyak berlaku di negara berdekatan Artik dan Antartik.

Bagaimana pun, terdapat juga fenomena aneh di langit yang tidak dapat dijelaskan sehingga kini. Antaranya, April 2009, akhbar melaporkan kewujudan beberapa objek bercahaya hijau dan putih berlegar di ruang udara Larkin, Johor sehingga mengemparkan penduduk.

#### Perlu kajian

Pihak berkuasa gagal mengenal pasti objek bercahaya itu, malah Jabatan Penerbangan Awam (DCA) turut menafikan objek itu adalah pesawat peninjau tanpa pemandu (UAV) negara jiran yang mencero boh ruang udara negara ini.

Malah, ANGKASA dilapor turut menafikan objek bercahaya itu ialah cahaya lampu limpah berkuasa tinggi yang dipancarkan ke langit dan tidak menolak kemungkinan objek itu tidak dapat dijelaskan.

Kesimpulan daripada semua kejadian berkenaan menyedarkan kita supaya jangan cepat melatah dan terus memutuskan sesuatu pandangan tanpa mengkaji terlebih dulu.

Masih terdapat banyak kejadian aneh alam yang tidak dijangka manusia tetapi selepas dikaji, maka kita akan mengukui bahawa benarlah firman Allah SWT dalam ayat ke-190, surah Ali Imran yang bermaksud: "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang yang berakal."



DI SEBALIK CERITA PELIK

# Buah-buahan, barang elektrik import berisiko

» Barangan tak patuhi standard jadi pilihan pembeli

Oleh Zulhimi Hat dan Nadia Hamid  
bminggu@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Lambakan barangan import seperti buah-buahan hingga perkakas elektrik didapati menguasai pasaran tempatan di negara ini khususnya di ibu kota selain di negeri bersempadan negara jiran iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, Sarawak dan Sabah.

Bayangkan, pelbagai jenis pakaian, beg atau kasut dari negara pengeluar seperti China, Jepun atau Korea bertaburan dijual di pasar malam. Begitu juga barangan elektrik seperti kabel, pencecas dan seterika dari China atau Taiwan yang dijual lebih murah berbanding barangan buatan tempatan.

Namun, pengguna sebenarnya tertipu. Di sebalik harga murah, barangan itu mungkin berisiko tinggi kerana ia barangan tiruan dan tidak mematuhi garis panduan keselamatan diiktiraf agensi berkenaan.

Lebih menyedihkan, banyak buah-buahan import seperti pisang, durian, tembikai, jambu batu, kelapa, mata kucing dan longan dari negara jiran

yang sesetengahnya sudah diproses serta dibungkus kemas, turut menguasai pasaran.

Apakah negara kita sudah kekurangan buah-buahan atau pembekal tempatan tiada idea untuk memasarkan produk terutama dari aspek pembungkusan untuk menarik minat pembeli atau harga buah-buahan import lebih murah berbanding keluaran tempatan?

## Permintaan tinggi

Tinjauan *BH Ahad* mendapati peniaga lebih gemar menjual barangan import kerana mempunyai permintaan tinggi berikutan harga murah selain pembungkusan yang menarik meskipun sedar sesetengah barangan dijual adajlah barangan tiruan.

Ketua Pengarah Jabatan Standard (Standard) Malaysia, Datuk Fadilah Baharin, mengakui kebanyakan produk berkenaan bukan saja gagal mematuhi standard barangan, bahkan ia berkualiti rendah, tidak mesra pengguna dan memudaratkan kesihatan.

"Pengimport kena dapatkan pengesahan atau patuhi garis panduan dikeluarkan Jabatan Standard atau mana-mana agensi berkaitan terma-

suk SIRIM-QS, Suruhanjaya Tenaga (ST) atau cop halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebelum membawa masuk barangan dan dijual di pasaran.

## Berlaku ketirisan

"Sebanyak 6,500 pelaksanaan standard sudah dikeluarkan untuk dipatuhi mana-mana syarikat atau orang persendirian jika mahu membawa masuk produk import. Namun hanya tujuh peratus dilaksanakan dalam negara. Antaranya, pengesahan halal, keselamatan dan kesihatan," katanya kepada *BH Ahad*.

Beliau percaya berlaku ketirisan barangan import di sempadan pintu masuk menyebabkan barangan elektrik seperti kabel, pencecas dan seterika tanpa garis panduan keselamatan diiktiraf agensi berkaitan memenuhi pasaran.

Selain garis panduan atau pementauan daripada pemain industri, katanya, pengguna wajib menyuarakan hak mereka, mengenakan tekanan dan memilih barangan berkualiti.

Keengganan pengguna menilai aspek keselamatan, keberkesanan produk atau kegagalan menggunakan kuasa beli secara betul menyebabkan mereka terus ditipu atau teraniaya.



“Sebanyak 6,500 pelaksanaan standard sudah dikeluarkan untuk dipatuhi mana-mana syarikat atau orang persendirian jika mahu membawa masuk produk import. Namun hanya tujuh peratus dilaksanakan dalam negara”

Fadilah Baharin  
Ketua Pengarah Jabatan Standard (Standard) Malaysia



## Sukar beza antara barang asli, tiruan

**Kuala Lumpur:** Pengarah Komunikasi Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata hampir 90 peratus pengguna sukar membezakan barangan asli atau tiruan kerana ia dijual pada harga hampir sama di pasaran.

Katanya, pengguna hanya menyedari ditipu apabila jangka hayat produk lebih singkat, mengalami masalah atau apabila ada se-buan penguatkuasaan, berikutan aduan pemilik hak cipta produk.

"Setakat 2013, sebanyak 1.270 aduan membabitkan barangan elektrik diajukan kepada FOMCA. Kebanyakan aduan membabitkan prestasi produk tidak memuaskan, kualiti perkhidmatan lemah, perkhidmatan pelanggan tidak memuaskan dan produk berbahaya.

"Penguatkuasaan atau serbuan dilakukan segera, sekiranya pemilik hak cipta melaporkan wujud unsur 'ciplak' atau tiruan daripada produk

mereka. Biasanya, pengguna jarang membuat aduan berkenaan situasi itu," katanya.

## Dijual secara terbuka

Tinjauan wartawan *BH Ahad* di beberapa lokasi sekitar Pasar Seni dan Pasar Chow Kit mendapati produk dari China dan Thailand, misalnya barangan cenderamata, aksesori wanita serta buah-buahan dijual secara terbuka dan mudah diperolehi berbanding produk tempatan.

Bukan saja murah, penjualan produk import seperti makanan, pakaian, racun rumpai dan permain kanak-kanak berleluasa di pasaran tempatan tanpa penguatkuasaan tegas dan pengesahan keselamatan oleh agensi berkenaan terutama di lokasi tumpuan orang ramai seperti pasar malam, Pasar Seni, Jalan Petaling dan Pasar Pudu.

Hasil pemerhatian turut mendapati rekaan terkini produk berkenaan lebih

menonjol, berwarna-warni, banyak pilihan dan dibungkus rapi termasuk susunan buah-buahan import yang kemas, segar dan montel sehingga menarik minat penulis sendiri sebagai pengguna untuk membelinya.

Dipercayai, peniaga atau 'orang tengah' yang mengimport barangan tiruan tahu ada undang-undang yang mengenakan hukuman berat atas kesalahan berkenaan, antaranya Akta Perihal Dagangan 1972, Akta Persaingan 2010, Peraturan-Peraturan Elektrik (pindaan) 2013, Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 serta Akta Kastam 1967.

## Pakej lebih menarik

Peniaga beg dan pakaian di Pasar Seni, Mohammad Kamrul, 34, ketika ditemui, mengesahkan kelebihan produk import yang menyediakan kepelbagaian pilihan dengan pakej menarik, reka bentuk kreatif serta bungkusan kemas menyebabkan mereka lebih

suka menjual barangan luar berbanding barangan tempatan.

"Dulu, saya menjual barangan tempatan seperti pakaian, beg atau kasut tetapi pendapatan sedikit. Macam mana nak tampung kos perbelanjaan dan sara hidup yang semakin mahal. Jadi, saya ambil inisiatif jual produk import dan sambutan orang ramai baik, pendapatan pun meningkat," katanya.

## Bekalan mudah diperolehi

Penjual kasut wanita, yang mahu dikenali sebagai Kak Ros berkata, bekalan produk dari luar mudah diperolehi tanpa perlu ke luar negara kerana ramai 'orang tengah' membekalkan produk pada harga berpatutan.

"Kasut import dari China berkualiti. Ketelitian buatannya serta ada banyak pilihan. Ia mampu menarik pelanggan berkunjung ke gerai saya.

"Bukan barangan import saja dijual, ada juga barangan tempatan cuma jumlahnya sedikit kerana tidak



**KERATAN AKHBAR**  
**BERITAH HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 11**  
**TARIKH : 12 OKTOBER 2014 (AHAD)**



[FOTO MOHAMMAD SHAHRIL BAHRU SAALI / BH]

## Penguatkuasaan longgar, wujud jalan tikus

**Kuala Lumpur:** Penguatkuasaan longgar dan kewujudan 'jalan tikus' di pintu masuk sempadan terutama di Sabah, Sarawak, Kelantan, Perlis dan Kedah dipercayai antara punca lambakan produk tiruan import yang berisiko mengancam keselamatan pengguna.

Jajaran sempadan luas menyukarkan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) mengesan aktiviti sindiket itu yang menggunakan laluan tikus berbeza bagi mengelak kehadiran mereka dikesan pihak berkuasa.

Ketua Pengarah UPP, Datuk Ab Rahim Ismail, berkata meskipun tiada lokasi 'hotspot' dikenal pasti sebagai kawasan penyeludupan, penggunaan laluan tikus masih wujud di sekitar sempadan seperti di Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan.

### Sempadan negara bolos

"Tiada lokasi 'hotspot' tertentu bagi kegiatan penyeludupan berikutan sempadan darat negara yang luas memungkinkan penyeludup menggunakan kawasan berbeza untuk menjalankan aktiviti mereka.

"Namun, umumnya kawasan yang kerap dikesan membabitkan aktiviti penyeludupan adalah di

kawasan berhampiran sempadan negara, sama ada sempadan darat, laut mahupun sungai," katanya ketika dihubungi *BH* Ahad.

### Guna orang tengah

Statistik kejayaan UPP Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan pada Januari hingga September 2014, menunjukkan kenderaan mendominasi nilai rampasan tertinggi iaitu berjumlah RM5.8 juta, diikuti minuman keras dan rokok (RM4.2 juta), mercun dan bunga api (RM3.5 juta), petrol serta diesel (RM553,145) dan dadah, (RM425,364).

Ab Rahim ketika ditanya mengenai pembabitkan orang tengah dalam kegiatan menyeludup barangan terlarang memasuki negara ini, mengakui ada sindiket menggunakan khidmat mereka sebagai perantara.

"Penggunaan orang tengah bagi melakukan aktiviti penyeludupan memang berlaku, namun tiada kes membabitkan penggunaan senjata api yang dikenal pasti setakat ini," katanya.

Dalam pada itu, *BH* Ahad berusaha mendapatkan penjelasan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berkaitan isu sama, namun tidak mendapat kerjasama sepegunya.

### INFO

#### Statistik rampasan Suruhanjaya Tenaga (ST) Januari hingga Ogos 2014 (13 daripada 34 kategori)

Perkara	Pengilang
● Plug	1,177
● Soket Outlet	26
● Lampu Mudah Alih	283
● Perintang / pemberat	155
● Perik Nasi	9
● Pengerang Rambut	70
● Palam / pengecas	33
<b>Jumlah Pengilang</b>	<b>2,066</b>

- Sejak lima tahun lalu, lambakan banyak barangan tiruan, tiada penguatkuasaan, kesedaran dan garis panduan.
- Tempoh ujian keselamatan satu maksimum tiga bulan, bergantung pada jenis produk, spesifikasi, dan penggunaan.
- Kos ujian keselamatan mengikut kategori. Contoh, kabel iaitu RM5,000 hingga RM60,000.
- Polis Standard, buat kawalan peraturan dan agensi berkaitan seperti ST, SIRIM Q5 dan JAKIM akan luluskan penguatkuasaan produk di pasaran berkualiti.

### INFO

#### Statistik rampasan UPP Januari hingga September 2014 (Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan)

Perkara	Jumlah (RM)
● Beras	84,814
● Diesel/petrol	553,146.50
● Dadah	425,164
● Mercun/bunga api	3,445,024
● Minuman keras/mercun	4,215,987
● Barangan pengguna	15,456
● Baja/racun	9,000
● Kenderaan	5,794,695
● Haiwan	164,560
● Perikanan	117,440
● Pertanian	4,006
● Pakaian	123,204
● Penerbitan/filem	5,510
● Mata wang	17,70
● Lain-lain/kosmetik	17,772
<b>Jumlah rampasan</b>	<b>14,986,798</b>

## Petani, peruncit, pemborong tak ikut peraturan

**Kuala Lumpur:** Kegagalan petani, peruncit dan pemborong tempatan mematuhi garis panduan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965, Peraturan-Peraturan Pengedaran, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian 2008, menjadi antara punca pengeluaran buah-buahan segar dalam negara gagal memenuhi permintaan di pasaran.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Ahmad Ishak, berpendapat petani kecil-kecilan tidak mengamalkan konsep 3P iaitu pengedaran, pelabelan dan pembungkusan dalam mengusahakan produk pertanian menyebabkan keluaran buah-buahan terjejas.

Katanya, kerosakan buah-buahan segar, tumbuhan atau produk makanan tempatan berpunca daripada kaedah memetik tidak betul, kekurangan inovasi baru, amalan teknik konvensional, terlalu mengharap bantuan kerajaan atau tiada potensi mengembangkan pemasaran hasil pertanian.

Pengenalan amalan konsep 3P bertujuan membantu petani kecil-kecilan memasarkan produk secara komersial, memenuhi permintaan pasaran, meningkatkan pendapatan ekonomi, mengekalkan kredibiliti buah-buahan segar tempatan dan mengelak ditindas 'pihak ketiga' serta memenuhi standard produk untuk dieksport ke luar negara.

"Ada petani, peruncit dan pemborong domestik yang melanggar konsep 3P dan diberikan amaran bagi memastikan produk dibekalkan di pasaran menepati standard FAMA. Namun, tindakan tegas seperti kompaun denda RM1,000, enam bulan penjara atau kedua-dua sekali masih belum dilaksanakan sepenuhnya," katanya.

ramai pelanggan mahu. Saya tidak mahu rugi, kena ikut kehendak pasaran," katanya.

Bagi peniaga buah-buahan segar yang diimport, Arai, buah-buahan segar di Malaysia bermusim dan mereka sukar mendapatkan bekalan ketika di luar musim.

"Kami terpaksa beli buah-buahan import bagi menampung permintaan orang ramai dan menampung bekalan. Contohnya, buah mata kucing atau longan, pengeluarannya terhad berbanding di Thailand yang mudah diperoleh sepanjang tahun, selain pembekalnya banyak, harga pasaran murah dan buah berisi tebal serta manis," katanya.

